

Pendidikan asas kesejahteraan komuniti menuju negara menua



Penyarah kanan Psikologi Pendidikan di Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia

Dr. Prof. Madya Dr. Mohd Fauzan Jalar
bhrencana@bh.com.my

Malaysia kini berada di persimpangan demografi. Laporan Jabatan Perangkaan pada 2024 mendedahkan sebanyak 7.7 peratus daripada penduduk tergolong dalam kelompok usia 65 tahun ke atas, sekali gus melepasi ambang secara rasmi mengklasifikasikan Malaysia sebagai masyarakat menua mengikut piawalan antarabangsa.

Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi menandakan perubahan besar terhadap struktur sosial, ekonomi dan budaya negara. Jika tiada persediaan rapi, penuaan penduduk ini berpotensi menekan sistem kesihatan, menjejaskan produktiviti dan melebarkan jurang antara generasi.

Masyarakat menua memberi cabaran kepada aspek ekonomi dan sosial negara. Penurunan kadar kesuburan kepada sekitar 1.6 peratus di bawah paras penggantian populasi iaitu sekitar 2.1 peratus serta jangka hayat semakin panjang, 73 tahun bagi lelaki dan 78 bagi wanita, mempercepatkan proses ini.

Dalam konteks tenaga kerja, populasi bekerja akan berkurangan, manakala tanggungan warga emas meningkat. Kewangan ini boleh melemahkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menambah tekanan terhadap skim pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta sistem penjagaan kesihatan awam.

Urbanisasi pula menyebabkan lebih ramai anak muda berhijrah ke bandar, meninggalkan ibu bapa di kampung tanpa sokongan harian.

Pada masa sama, jurang teknologi antara generasi semakin melebar, menjadikan warga emas berisiko menghadapi pengasingan sosial dan diskriminasi usia.

Masalah ini bukan hanya berkaitan isu ekonomi atau kesihatan, tetapi kesejahteraan komuniti. Warga emas yang terasing boleh mengalami kemurungan dan kesunyian. Bagi masyarakat berpegang pada nilai kekeluargaan dan gotong-royong, realiti



Pendidikan

kesihatan pula harus menekankan penuaan sihat, nutrisi, aktiviti fizikal dan kesejahteraan mental. Pendekatan ini bukannya mengurangkan beban kesihatan awam, tetapi meningkatkan kualiti hidup warga emas kelak



ini satu tamparan budaya yang menuntut pendekatan baharu.

Bagaimanapun, perubahan demografi ini juga membawa peluang. Warga emas Malaysia memiliki pengalaman kerja, kemahiran teknikal dan kebijaksanaan sosial yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan negara.

Dengan perancangan strategik, mereka boleh kekal produktif, menyumbang kepada ekonomi dan menjadi pemimpin komuniti.

Justeru, pendidikan ialah senjata utama untuk merealisasikan potensi ini. Pertama, pendidikan sepanjang hayat perlu diangkat sebagai dasar nasional. Universiti, politeknik dan pusat komuniti boleh menawarkan kursus meningkatkan dan mengasah kembali kemahiran bagi pekerja pertengahan usia atau warga emas yang mahu meneroka bidang baharu.

Program keusahawanan sosial dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mesra warga emas juga boleh mengalakkan mereka kekal dalam pasaran kerja atau memulakan perniagaan kecil.

Kedua, pendidikan kesihatan dan kewangan mesti dimulakan lebih awal. Literasi kewangan, termasuk perancangan persaraan dan pengurusan hutang, wajar dimasukkan dalam kurikulum sekolah menengah. Pendidikan kesihatan pula harus menekankan penuaan sihat, nutrisi, aktiviti fizikal dan kesejahteraan mental. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan beban kesihatan awam, tetapi meningkatkan kualiti hidup warga emas kelak.

Pendidikan antara generasi boleh memperkukuh hubungan sosial. Projek SULAM (Service Learning Malaysia University for Society), misalnya, boleh menghubungkan pelajar dengan warga emas melalui aktiviti komuniti seperti bimbingan kerjaya, pengajaran kemahiran tradisional atau rekreasi bersama. Ini memupuk empati, solidariti generasi dan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar.

Pada era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), literasi teknologi untuk warga emas amat penting. Program seperti 'Digital Seniors' boleh dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institut pengajian tinggi (IPT) dan sektor swasta untuk membantu mereka menguasai perkhidmatan digital daripada aplikasi kesihatan hingga e-dagang.

Langkah ini bukan sahaja memudahkan urusan harian, malah mengelakkan pengasingan sosial. Guru dan kaunselor juga harus dilatih untuk memahami psikologi penuaan serta menangani diskriminasi usia, manakala universiti digalakkan menjalankan penyelidikan inovatif mengenai komuniti mesra warga emas dan teknologi inklusif.

Usaha ini memerlukan kerjasama menyeluruh antara kerajaan, NGO, sektor swasta dan komuniti setempat. Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) boleh memperkenalkan dasar menyokong pembelajaran fleksibel, pembiayaan pendidikan dewasa serta pengiktirafan pembelajaran tidak formal. Ini selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 3 (Kesihatan Baik), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan).

Malaysia sudah melangkah ke fasa masyarakat menua dan kini masa untuk bertindak. Pendidikan bukan sekadar medium ilmu, tetapi benteng strategik untuk memastikan negara menuju dengan bermaruah dan produktif.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH